

# 63 kes tumpahan minyak direkodkan di Malaysia dalam tempoh tujuh tahun

**MIRI:** Terdapat 63 kes tumpahan minyak direkodkan berlaku di negara ini dalam tempoh tujuh tahun dari 2018 hingga Jun 2024.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar berkata, ini merupakan kerugian besar kepada negara seperti kejadian di Pasir Gudang pada 2017 di mana negara kerugian sebanyak RM5 juta untuk kos pembersihannya.

"Di sinilah saya melihat kepentingan kerjasama sebegini (jabatan dan agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta swasta) dalam memastikan kesiapsiagaan di semua peringkat dalam menghadapi sebarang insiden.

"Latihan sebegini (simulasi tumpahan minyak) membantu meningkatkan keupayaan agensi dalam memastikan tindakan yang pantas dan berkesan dapat diambil bagi melindungi keselamatan orang ramai sekiranya insiden ini berlaku," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penutupan dan Latih Amal Kerah Tugas Lapangan Ex-Empurau 2024 di Piasau Boat Club, semalam.

Beliau berkata, simulasi tumpahan minyak yang dinamakan Ex-Empurau di perairan Miri dianjurkan JAS dengan kerjasama Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Asset) dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) yang turut melibatkan 44 agensi.

"Dengan kerjasama dan

komitmen semua pihak, latihan Ex-Empurau ini dapat dijayakan dan dijalankan secara menyeluruh dengan pengujian Pelan Tindak Balas Tumpahan Minyak (OSRP) peringkat industri, Pelan Kontingensi Tumpahan Minyak Malaysia (MOSCoP) Tahap 2, Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Negeri dan Pelan Tindak Balas Hidupan Liar Bermasyarakat Malaysia (MOW-Rep) yang dijalankan secara Table-Top dari 11 sehingga 12 Jun dan disusuli dengan Latihan Kerah Tugas di laut dan pantai (pada 13 Jun).

"Selaku pengerusi kepada Jawatankuasa Operasi Kebangsaan Kawalan Tumpahan Minyak, saya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat terutamanya pihak penganjur dan juga ahli jawatankuasa yang telah merancang dan melaksanakan Latihan Ex-Empurau ini," ujarnya.

Menurut Wan Abdul Latiff, latihan sebegini juga boleh menjadi platform untuk meningkatkan kemahiran melalui perkongsian kepakaran, teknologi, sistem kawalan dan komunikasi yang terlaras agar dapat mempersiapkan lagi agensi masing-masing untuk bertindak dalam menghadapi insiden tumpahan minyak.

"Matlamat penganjuran latihan juga adalah selaras dengan komitmen negara untuk memastikan alam sekitar yang sihat, bersih dan bebas daripada pence-

maran demi kepentingan dan kesejahteraan awam.

"Ia juga seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 14, iaitu untuk memulihara dan menggunakan lautan, laut dan sumber marinnnya secara lestari," jelasnya.

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Asset) Noriani Yati Mohamad berkata, pihaknya komited memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, kontraktor dan komuniti tempat mereka beroperasi kekal menjadi keutamaan.

"Di Petronas Carigali, memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, kontraktor dan komuniti tempat kami beroperasi kekal menjadi keutamaan kami, disokong oleh dedikasi kami untuk menegakkan standard keselamatan dan kesihatan tertinggi.

"Latihan ini adalah bukti usaha berterusan kami untuk meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi sebarang kecemasan yang berpotensi, serta pemeliharaan alam sekitar. Kami menghargai sokongan daripada semua pihak berkepentingan dalam memastikan kejayaan latihan ini," tambahnya.

Hadir sama, Pengurus Besar Kanan (Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar) Petronas Carigali Sdn Bhd - Huluan Morris Mail dan Kontroler Kualiti Alam Sekitar Sarawak Jack Liam.



**LIHAT SENDIRI:** Wan Abdul Latiff (duduk kanan) meninjau Latih Amal Kerah Tugas Lapangan Ex-Empurau 2024 di kapal Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) KM Tun Fatimah.